

ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

**PEMAHAMAN NORMA MASYARAKAT MELALUI  
AKTIVITI ANALISIS FILEM PENDEK DALAM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN  
MORAL**

**UNDERSTANDING SOCIAL NORMS THROUGH  
SHORT FILM ANALYSIS ACTIVITIES IN TEACHING  
AND LEARNING MORAL EDUCATION**

**Vasanthan Gurusamy <sup>\*1</sup>; Dedi Epriadi <sup>2</sup>  
Jeyanthy Supramaia <sup>3</sup>; Ravi Nagarathanam <sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: [vasanthangurusamy@gmail.com](mailto:vasanthangurusamy@gmail.com)

<sup>2</sup> Faculty of Social and Political Sciences, Universitas Muara, Bungo, Indonesia.

Email: [epriadidedi@gmail.com](mailto:epriadidedi@gmail.com)

<sup>3</sup> Dato Shamsudin Nain Secondary School, Malaysia Education Ministry, Malaysia.

Email: [jyanmoon@yahoo.com](mailto:jyanmoon@yahoo.com)

<sup>4</sup> Imperium Business School, Imperium International College, Malaysia.

Email: [nravi\\_ukm@yahoo.com](mailto:nravi_ukm@yahoo.com)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/218>

**Abstract**

The understanding of social norms is very important for students today. Therefore, this article discusses the potential of short film analysis activities as one of the teaching methods in improving students' understanding of social norms in Malaysia. A total of 18 female and male students (three focus groups) from the fourth grade Moral Education class were used for the purpose of data collection. Purposive sampling technique was used to select study participants. This qualitative study was carried out by using observation protocol instruments, interview protocols and journal writing guides in order to collect data. The findings of the study show that short film analysis activities in the teaching and learning of Moral Education help students to understand the norms of Malaysian society.

**Keywords:** Social Norms, Social Norms, Film analysis, Teaching and learning, Moral education

### Abstrak

Pemahaman norma masyarakat amat penting kepada murid-murid pada masa kini. Justeru, artikel ini membincangkan potensi aktiviti analisis filem pendek sebagai salah satu kaedah pengajaran dalam meningkatkan pemahaman murid terhadap norma masyarakat di negara Malaysia. Seramai 18 orang murid perempuan dan lelaki (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat digunakan untuk tujuan pengumpulan data Teknik pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih peserta kajian. Kajian kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan instrumen protokol pemerhatian, protokol temu bual dan panduan penulisan jurnal bertujuan untuk mengumpul data. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti analisis filem pendek dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral membantu murid memahami norma masyarakat negara Malaysia.

**Kata kunci:** Norma Masyarakat, Filem pendek, Analisis filem, Pengajaran dan pembelajaran, Pendidikan Moral

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 28<sup>th</sup> July 2022, revised 14<sup>th</sup> August 2022, accepted 29<sup>th</sup> August 2022

### Pengenalan

Pendidikan sesebuah negara dapat menentukan hala tuju generasi dalam pembangunan negara. Kerajaan sesebuah negara akan sentiasa memberi kepentingan dalam bidang pendidikan bagi melahirkan masyarakat yang serba boleh. Dasar-dasar baru juga akan dibentuk semata-mata melahirkan rakyat yang produktif dan berakhlak tinggi. Di negara Malaysia salah satu mata pelajaran yang memberi fokus dalam mendidik insan yang berdisiplin dan berakhlak mulia adalah Pendidikan Moral. Pendidikan Moral banyak membantu seseorang murid dalam membentuk kelakuan moral yang betul. Menurut Lawrence Kohlberg (1969)<sup>1</sup>, Lapsley (2018)<sup>2</sup> dan Mathes (2021)<sup>3</sup>, perlakuan moral seseorang terbentuknya apabila seseorang itu mempunyai pemahaman dalam nilai-nilai moral, peraturan moral atau norma masyarakat sesuatu tempat. Pemahaman norma masyarakat bagi seseorang murid amat bermakna dalam mengambil keputusan moral ketika menghadapi sesuatu konflik moral. Menurut Miller (2001)<sup>4</sup>, norma masyarakat dapat ditakrifkan sebagai peraturan masyarakat yang tidak ditulis dimana-mana dan dipatuhi dan diterima oleh masyarakat setempat. Norma masyarakat juga dapat ditakrifkan sebagai perilaku atau tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya. Menurut beliau pemahaman norma masyarakat amat penting dalam menyelesaikan masalah-masalah harian agar kita dapat hidup bahagia bersama masyarakat setempat tanpa ada prasangka antara satu sama lain. Jafri (2021)<sup>5</sup>, Listari (2021)<sup>6</sup> dan Rani et al., (2022)<sup>7</sup> menegaskan pemahaman norma masyarakat dalam kalangan murid kian pudar. Murid kurang memberi kepentingan dalam unsur norma masyarakat ketika mengambil sesuatu tindakan dan jika kita biarkan sedemikian kemungkinan besar generasi akan datang akan menjadi generasi yang mementingkan diri sendiri, keharmonian masyarakat akan terjejas dan juga manusia kurang beradab. (Ali dan Benabau, 2020<sup>8</sup>; Mahmudah et al., 2022<sup>9</sup>). Oleh itu melalui pengajaran Pendidikan Moral kita perlu memberi pendedahan yang

lebih mendalam kepada mereka mengenai norma masyarakat agar murid-murid dapat membuat sesuatu tindakan moral dengan penuh keyakinan diri.

## **Kajian Literatur**

Sejak kebelakangan ini berlaku banyak masalah sosial. Murid-murid pada masa kini kurang peka terhadap nilai-nilai moral dan juga sesuatu norma masyarakat. Kewujudan masalah seperti, tidak menghormati sesama manusia buli siber, kurang beradab di khalayak ramai semuanya disebabkan oleh kurang pemahaman dalam aspek norma masyarakat setempat. (Bakar & Hamzah, 2019<sup>10</sup>; Sharif & Mohamad Roslan, 2011<sup>11</sup>; Zainul Arifin Md. Isa, 2012<sup>12</sup>). Kewujudan masalah seumpama ini juga disebabkan murid kurang menghargai nilai-nilai murni dan juga norma masyarakat dan ini menyebabkan murid kurang bermotivasi dalam melaksanakan tindakan moral Gurusamy dan Thambu (2018)<sup>13</sup>. Tambahan pula kurang penghargaan dan pengamalan nilai murni telah mencetuskan isu keruntuhan akhlak sehingga hari ini di mana penglibatan pelajar masa kini dalam pelbagai jenis salah laku bukan sahaja dalam aktiviti ringan tetapi malah salah laku murid kini telah membawa kepada jenayah yang melampau seperti penyalahgunaan dadah, buli, melepak, mencuri, merokok, salah laku seksual, membunuh, menyertai kumpulan samseng dan militan adalah antara dilaporkan (Haridi, 2016<sup>14</sup>; Perpustakaan Laman Hikmah, 2019; Polis Diraja Malaysia, 2019). Mengikut statistik pada 2018, jenayah melibatkan murid sekolah direkodkan oleh Diraja Polis Malaysia (PDRM) ialah 1,722 kes pada 2017 manakala sebanyak 1,285 kes direkodkan pada 2018 (Issahak, 2019)<sup>15</sup>. Oleh itu, adalah sangat penting bagi sekolah-sekolah di negara ini untuk mengambil inisiatif yang berkesan agar dapat mengurangkan kejadian-kejadian seumpama ini. Rest (1984)<sup>16</sup> menyatakan murid harus mempunyai motivasi moral untuk melaksanakan sesuatu tindakan moral dengan mengutamakan norma masyarakat serta mengetepikan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Rushton dan Penticuff (2007)<sup>17</sup> dan Ozcetin & Hicdurmaz (2018)<sup>18</sup>, pula menegaskan bahawa pemahaman terhadap sesuatu etika atau norma masyarakat amat mustahak kepada seseorang dalam melaksanakan sesuatu tindakan mengikut pendirian diri sendiri. Justeru pemahaman norma masyarakat kepada murid-murid amat penting dalam melaksanakan sesuatu tindakan moral (Thambu et al., 2021)<sup>19</sup>.

## **Pendidikan Moral**

Pendidikan Moral yang diajar di sekolah perlu memberi tumpuan kepada elemen norma masyarakat (Thambu, 2019)<sup>20</sup>. Guru Pendidikan Moral perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang menarik pada masa yang sama menerapkan nilai-nilai norma masyarakat negara kita (Idriki dan Tan, 2022<sup>21</sup>; Nuwa, 2020<sup>22</sup>; Santosa dan Andrian, 2021<sup>23</sup>; Nurohmah dan Dewi, 2021<sup>24</sup>). Pada ketika ini guru-guru tidak menggunakan kaedah pengajaran yang menarik dalam memahami etika moral atau norma masyarakat (Lubis, 2019<sup>25</sup>; Thambu et al., 2021<sup>19</sup>; O'Flaherty, 2017<sup>26</sup>; Pratiwi dan Ayu, 2020<sup>27</sup>). Pengajaran guru memberikan keutamaan dalam aspek kognitif, malah aspek emosi dan tindakan tidak diindahkan (Gurusamy et al., 2021<sup>28</sup>; Lokman et al., 2022<sup>29</sup>; Vishalache, 2009<sup>30</sup>). Tambahan pula kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru juga mementingkan hafalan nilai-nilai murni dengan menggunakan buku teks dan huraian sukatan pelajaran (Abd. Shatar, 2009<sup>31</sup>; Romyati et al., 2019<sup>32</sup>; Chayumi, 2021<sup>33</sup>).


## **Analisis Filem Pendek**

Chan dan Herero (2011)<sup>34</sup> mendefinisikan analisis filem sebagai proses untuk mengenali informasi yang sukar difahami dan membawa informasi tersebut dalam pemikiran yang kritikal dengan menanya soalan, membuat analisis dan menilai informasi tersebut. Menurut Chan dan Herero (2011)<sup>34</sup> dalam membuat analisis filem ia terbahagi kepada dua iaitu makro merangkumi, naratif, watak, tema, ideologi manakala mikro pula merangkumi teknik penggambaran, bunyi, editing dan lakonan. Analisis filem merupakan salah satu cara untuk kita mengkritik sesebuah filem secara keseluruhan (Corrigan dan Timothy, 2001<sup>35</sup>; Ghaisani, 2020<sup>36</sup>). Analisis filem boleh dibuat dalam beberapa elemen antaranya cerita, watak, tema, teknik penggambaran dan sebagainya. (Senior High School English Language Arts Guide to Implementation, 2003; Umiyanah, 2021<sup>37</sup>).

Analisis filem dapat dilakukan oleh murid dalam kelas untuk meningkatkan pemahaman mereka dalam sesuatu filem dan juga keupayaan mereka untuk berfikir secara kritikal dalam membuat penilaian terhadap filem yang ditonton (Krish, 1998<sup>38</sup>; Normiha, 2019<sup>39</sup>). Unsur-unsur seperti sensitiviti moral, pertimbangan moral dan motivasi moral dapat dicungkil terhadap murid apabila mereka terlibat dalam aktiviti menganalisis filem. Menurut Barrance (2010)<sup>40</sup>, aktiviti analisis filem memberi peluang kepada murid untuk memahami sesuatu isu dengan mudah dan dapat memberikan pandangan yang bernas bagi menyelesaikan isu yang dibawa oleh filem itu. Barrance (2010)<sup>40</sup>, juga menjelaskan aktiviti analisis filem pendek ini merupakan kaedah yang paling berkesan yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar nilai-nilai murni yang terdapat dalam sesuatu filem.

## **Prosedur Kajian**

Analisis filem pendek merupakan salah satu teknik yang dapat memberi impak kepada murid-murid sekolah. Guru-guru boleh menggunakan aktiviti analisis filem pendek sebagai salah satu strategi pengajaran mereka. Menonton dan menganalisis filem pendek dalam pengajaran Pendidikan Moral dapat memberikan impak yang baik kepada murid-murid sekolah. (Harahap dan Nasution, 2022)<sup>41</sup>. Guru Pendidikan Moral akan memilih filem yang paling sesuai dengan mengambil kira elemen norma masyarakat dan ditayangkan dalam kelas. Perancangan pengajaran akan dibuat mengikut unit dan bidang mengikut sukatan pelajaran. Setelah tayangan filem dilaksanakan murid -murid akan diberi borang analisis filem pendek dan akan membuat analisis filem pendek dengan menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam borang berkenaan. Langkah seterusnya murid-murid akan membuat pembentangan dalam kelas dan perbincangan akan dilaksanakan.



Rajah 1: Pelaksanaan Aktiviti Analisis Filem Pendek

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian tindakan (*action research*). Kemmis dan McTaggart (1988)<sup>42</sup>, menggambarkan kajian tindakan dalam bentuk gelungan. Setiap gelungan mempunyai empat fasa, iaitu (a) merancang (*plan*), (b) bertindak (*action*), (c) memerhati (*observe*) dan (d) mengkaji semula (*reflect*). Model Zuber-Skerrit (1995)<sup>43</sup>, telah digunakan dalam kajian ini kerana lingkaran kajian tindakan ini menuju naik ke atas menandakan penambahbaikan yang berterusan dalam sesuatu latihan dan proses ini akan berlanjutan meningkatkan pengetahuan peribadi dan profesional. Reka bentuk kajian tindakan dipilih kerana reka bentuk ini merupakan prosedur sistematik yang digunakan oleh guru atau penyelidik dalam konteks sekolah untuk mengkaji dan memperbaiki amalan pengajaran di bilik darjah (Chow & Jaizah, 2001<sup>44</sup>; Whitehead & McNiff, 2006<sup>45</sup>; Nadarajan 2016<sup>46</sup>). Seramai 18 orang murid (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Protokol pemerhatian di bilik darjah, protokol temu bual dan panduan penulisan jurnal digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data kualitatif. Kesahan kandungan instrumen telah dibuat bersama pakar dalam bidang Pendidikan Moral dan kajian tindakan.

### Teknik Mengutip Data

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif dengan menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan data (Bogdan & Biklen, 2007)<sup>47</sup>. Kaedah utama yang digunakan oleh penyelidik ialah temu bual kumpulan berfokus. Semua sesi temu bual dirakam secara audio, ditranskripsikan melalui proses pengekodan dan dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian Nvivo 12. Semua transkripsi dan laporan verbatim diberikan semula kepada peserta bagi memeriksa pandangan yang diberikan semasa sesi temu bual dijalankan. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan dokumen (penulisan jurnal murid) dan data pemerhatian di dalam bilik darjah. Teknik triangulasi digunakan untuk mengesahkan data daripada ketiga-tiga sumber ini demi memperkukuh kesahan dapatan kajian (Nadarajan & Hasbi, 2017)<sup>48</sup>.

## Analisis Data

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis bertema (*thematic analysis*) berdasarkan langkah-langkah yang disorkan oleh Braun dan Clarke (2006)<sup>49</sup>. Proses analisis melibatkan langkah-langkah seperti pengurusan data, transkripsi, penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub tema dilaksanakan oleh penyelidik dengan menggunakan perisian Nvivo (David & Peter, 2014)<sup>50</sup>. Data yang telah melalui proses pengekodan akan dipecahkan mengikut tema atau kategori. Kesemua data yang diperoleh disusun untuk menjawab soalan kajian.

## Dapatan Kajian

### Gelung Pertama

Hasil temu bual ketiga-tiga gelung kajian menunjukkan peserta dapat memahami norma masyarakat. Hasil temu bual aktiviti analisis filem pendek murid dapat memahami norma masyarakat berterima kasih kepada orang yang membantu kita, menghormati orang yang berpangkat lebih tinggi daripada kita dan membantu orang yang berada dalam keadaan kesusahan.

Penyelidik: Aktiviti mana yang membantu kamu memahami unsur-unsur peraturan sosial?

Peserta: Masa membuat analisis filem, adik dia beritahu kakak, guru berikan dia masuk kadet bomba, sebab adik dia minat pada pengakap...walaupun guru mewajibkan semua masuk kadet bomba dia tetap ingin memasuki badan beruniform yang diminati. Kakak berjumpa guru untuk bertanya boleh tak adik tukar ke kadet bomba dengan mematuhi etika yang betul dan bersopan santun. Kakak faham bahawa sebagai seorang murid harus mematuhi nasihat guru dan perlu berterima kasih.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 1\\SMK LL\\17-8]

Penyelidik: Dalam filem OKU, kenapa pengawal keselamatan tidak mengambil tindakan terus?

Peserta: Masa membuat analisis filem, pengawal keselamatan memberi peluang kepada YDP dahulu, kalau dia tidak berubah lagi dia baru ambil tindakan. Pengawal keselamatan itu menghormati PIBG kerana dia ada kuasa di sekolah *so* dia bagi peluang dengan memberi nasihat kepada dia, dan pengawal keselamatan melaksanakan tugas dengan tanggungjawab.

Penyelidik: Kenapa anda rasakan aktiviti analisis filem mudah untuk anda memahami tindakan yang dilakukan oleh pengawal keselamatan itu?

Peserta: Ahh..sebab ia mudah untuk saya faham kerana dalam filem itu pengawal itu pakai beruniform dan dia mesti mematuhi peraturan sekolah itu. Dia juga memahami situasi orang tua dan dalam peraturan sosial kita mesti membantu orang yang lebih susah daripada kita.

[Internals\\Temu bual\\Gelung 1\\SMK DH\\ 26-9]

Manakala catatan jurnal gelung pertama (aktiviti analisis filem pendek ) juga memperlihatkan peserta mengambil keputusan moral dengan mematuhi norma masyarakat yang sesuai menerusi isu buli. Analisis filem menunjukkan Kogilavanoan (watak cereka) dan rakan-rakannya mengambil keputusan untuk membantu Andy yang menjadi mangsa buli ketika itu. Norma masyarakat yang murid dapati melalui aktiviti analisis filem adalah membantu beramai-ramai jika melihat seseorang itu dalam kesusahan.

Melalui aktiviti analisis filem Kogilavanoan dan rakan-rakannya mengambil keputusan moral membantu Andy mangsa buli secara beramai-ramai. Kita mesti membantu seseorang itu jika mereka berada dalam kesusahana. Kita mesti bantu ramai-ramai supaya sesuatu kerja itu akan menjadi lebih mudah lagi.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 1\\SMK KB\\8-8]

Selanjutnya catatan pemerhatian gelung pertama aktiviti analisis filem pendek juga cerita juga membantu murid membuat keputusan moral dengan mengambil kira norma masyarakat yang sesuai menerusi isu penggunaan bekas polistirena. Pemerhati mencatatkan murid berpegang prinsip norma masyarakat mengikut situasi dalam cerita Krishantini (watak cereka) misalnya mengambil keputusan untuk membuang sampah kedalam tong sampah.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 1\\SMK DH\\Letch\\18-8]

## Gelung Kedua

Dalam pada itu catatan jurnal gelung kedua aktiviti analisis filem pendek juga menunjukkan peserta mengambil keputusan moral dengan mematuhi unsur norma masyarakat yang sesuai menerusi isu memuat naik perbuatan vandalisme dalam media sosial. Peserta dapat berpegang pada prinsip norma masyarakat dalam keputusan moral yang diambil. Nagamani (watak cereka) misalnya mengambil keputusan moral dengan menasihati kawan dengan cara yang bersopan santun yang merakam video perbuatan vandalisme di sekolah Tindakan ini menunjukkan murid dapat memahami unsur norma masyarakat iaitu memberi nasihat kepada seseorang dengan cara yang baik.

Aktiviti analisis filem pendek membantu saya memahami norma masyarakat, Nagamani menasihati murid dengan bersopan santun kerana merakam video dan upload dalam media sosial adalah perkara yang dilarang, kita tidak boleh buat begitu, oleh itu imej sekolah tercemar. Nagamani dapat mematuhi norma masyarakat iaitu menasihati kawan dia dengan cara yang amat baik.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 2\\SMK KB\\1-9]

Analisis catatan pemerhatian aktiviti analisis filem pendek juga memperlihatkan kemampuan murid dalam membuat keputusan moral dengan mengambil kira norma masyarakat yang sesuai menerusi isu semangat patriotik. Menurut pemerhati murid telah berpegang pada unsur norma masyarakat semasa aktiviti analisis filem. Mathivani (watak cereka) misalnya mengambil keputusan moral memberi nasihat kepada remaja yang merosakkan bendera Malaysia di sekolah berkenaan dan norma masyarakat yang difahami adalah menghormati bendera Malaysia. Murid faham tentang peraturan sosial dimana bendera Malaysia adalah sesuatu yang perlu kita memberi penghormatan.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 2\\SMK DH\\Vas\\25-9]

## Gelung Ketiga

Gelung ketiga aktiviti analisis filem pendek juga membantu peserta membuat keputusan moral dengan mengambil kira norma masyarakat yang sesuai menerusi isu tabiat merokok membawa padah. Murid dapat memahami bahawa Pengawas (watak cereka) misalnya mengambil keputusan moral untuk menasihati orang awam yang menghisap rokok di tempat awam

Penyelidik: Adakah aktiviti tadi membantu kamu dalam memahami sesuatu norma masyarakat?

Peserta: Aktiviti menganalisis filem ...pengawas itu cuba diri dia sendiri dulu...kalau orang awam itu mendengar nasihat dia...jika tidak dia akan melaporkan kepada polis lah.. Orang awam tak boleh hisap rokok dimana-mana. Tak baik merokok walaupun bersama-sama dengan kawan atau keluarga. Macam tak hormat lah.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 3\\SMK DH\\ 24-10]

Catatan jurnal gelung ketiga aktiviti analisis file pendek juga membantu peserta membuat keputusan moral dengan mengambil kira norma masyarakat yang sesuai menerusi isu waktu sembahyang oleh murid-murid islam. Murid dapat memahami norma masyarakat supaya tidak boleh membuat bising ketika orang sembahyang dan perlu menghormati kepercayaan agama orang lain. Pengawas (Watak cereka) menasihati kawan-kawannya tidak membuat bising ketika murid-murid islam sedang sembahyang dalam surau.

Semasa membuat analisis filem saya boleh rasakan diri saya dalam situasi itu, dan saya sebagai pengawas sekolah memberi nasihat kepada kawan-kawan saya semasa murid-murid islam sedang sembahyang. Kita sebagai rakyat Malaysia perlu saling menghormati agama atau kepercayaan orang lain.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 3\\SMK DH\\18-10]

Justeru catatan pemerhatian gelung ketiga aktiviti menonton dan menganalisis filem juga membantu murid mengambil keputusan moral dengan mematuhi norma masyarakat yang sesuai menerusi isu memuat naik perkara yang menyentuh sensitiviti kaum di media sosial. Pemerhati mendapati murid telah memberi cadangan dan keputusan moral yang mematuhi norma masyarakat. Guru(watak cereka) misalnya harus mengambil keputusan untuk memberitahu kepada pengetua mengenai anak dia yang memuat naik perkara yang menyentuh sensitiviti kaum dalam media sosial dan norma masyarakat yang dipatuhi adalah sebagai seorang rakyat Malaysia kita harus peka terhadap sensitiviti masyarakat di negara ini.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 3\\SMK DH\\Letch\\23-10]

## Rumusan dan Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti analisis filem pendek dalam pengajaran Pendidikan Moral telah membantu murid dalam memahami dan melaksanakan tindakan moral dengan mematuhi norma masyarakat. Pemahaman norma masyarakat dapat membimbing seseorang dalam mengamalkan prinsip-prinsip moral dalam kehidupan harian.



Dalam skema moral mengekalkan norma seseorang individu dapat mengambil keputusan moral dengan memahami peraturan sosial atau etika sesuatu tempat. Menurut Kurawa (2012)<sup>51</sup>, kewujudan sesuatu etika disebabkan oleh kesepakatan yang dibuat dalam kalangan anggota masyarakat yang bertujuan untuk kelebihan yang akan diperoleh secara individu atau kolektif. Oleh itu pemahaman seseorang individu mengenai kelebihan sesuatu etika dan norma masyarakat akan mempengaruhi pertimbangan moral yang diambil dalam sesuatu konflik. Kaedah pengajaran yang menggunakan analisis filem pendek dapat membantu murid dalam membuat pertimbangan moral mengikut sesuatu etika atau norma masyarakat.

## Kesimpulan

Pemahaman sesuatu norma masyarakat merupakan satu elemen utama dalam melaksanakan sesuatu tindakan moral. Jelaslah teknik pengajaran interaktif seperti analisis filem pendek dalam pengajaran Pendidikan Moral membantu murid meningkatkan pemahaman murid mengenai norma-norma masyarakat dan menguasai kemahiran insaniah yang diaspirasikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

## References:

1. Kohlberg, L. (1969). *Stage and sequence: The Cognitive Developmental Approach To Socialization*. In D.A. Goslin (Ed.), *Handbook of socialization theory and research* (pp. 347–480). Chicago, IL: Rand McNally.
2. Lapsley, D. K. (2018). *Moral psychology*. Routledge.
3. Mathes, E. W. (2021). *An evolutionary perspective on Kohlberg's theory of moral development*. *Current Psychology*, 40(8), 3908-3921.
4. Miller, J. G. (2001). Culture and Moral Development. *The Handbook of Culture and Psychology*, (January 1987), 151–170. New York: Psychology Press.
5. Jafri, J. (2021). Upaya Guru Pendidikan Agama Islam dalam Meningkatkan Pemahaman Keagamaan Siswa. *Al-Liqo: Jurnal Pendidikan Islam*, 6(1), 10-33.
6. Listari, L. (2021). Dekadensi Moral Remaja (Upaya Pembinaan Moral Oleh Keluarga Dan Sekolah). *Jurnal Pendidikan Sosiologi Dan Humaniora*, 12(1), 7-12.
7. Rani, F. H., Ardha, D. J., & Marlina, H. (2022). Memahami Hubungan Teori Psikoanalisis dan Teori Pengembangan Moral terhadap Terjadinya Suatu Kejahatan di Masyarakat. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi*, 22(2), 1021-1026.
8. Ali, S. N., & Bénabou, R. (2020). Image versus information: Changing societal norms and optimal privacy. *American Economic Journal: Microeconomics*, 12(3), 116-64.
9. Bandana, R. (2018, May). Sentiment analysis of movie reviews using heterogeneous features. In 2018 2nd International Conference on Electronics, Materials Engineering & Nano-Technology (IEMENTech) (pp. 1-4). IEEE.
10. Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
11. Sharif, Z., & Mohamad Roslan, N. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(7), 115-140.
12. Zainul Arifin Md. Isa. (2012, June 13). Grads without soft skills victims of system. *New Straits Times*, p. 19.

13. Gurusamy, V., & Thambu, N. (2018). Development of moral motivation through acting activities in teaching and learning of Moral Education in secondary schools [Perkembangan motivasi moral murid melalui aktiviti lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 234-250.
14. Haridi, N. H. (2016). Program Agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): *Kajian dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanan*. PhD Thesis. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
15. Issahak, M. A. (2019). Jenayah dalam kalangan pelajar masih membimbangkan. Kuala Lumpur: *BH Online*.
16. Rest, J. (1984). *The major components of morality*. Dalam W. Kurtines & J. Gewirtz (Eds.), *Morality, moral development and moral behaviour* (pp. 24-38). New York: Wiley.
17. Rushton, C.H., & Penticuff, J.H. (2007). In *Critical Care Dilemmas in Critical Care Nursing*. *AACN Advanced Critical Care*, 18(3), 323–328.
18. Özçetin, Y. S. Ü., & Hiçdurmaz, D. (2018). The related factors of moral sensitivity in nursing students. *Dokuz Eylül Üniversitesi Hemşirelik Fakültesi Elektronik Dergisi*, 11(3), 209-217.
19. Thambu, N., & Rapor, A. A. (2021). Teater perbincangan dilema Moral: pendekatan transformatif dalam melaksanakan kandungan kurikulum buku teks Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 1-17.
20. Thambu, N. (2019). Potential of forum theatre in forming a holistic human being: Qualitative findings from Moral education class [Potensi unsur-unsur teater forum dalam pembentukan insan menyeluruh: Dapatan kajian kualitatif kelas pendidikan Moral]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 77-95.
21. Idriki, N. A. M., & Tan, B. P. (2022). Aplikasi pembelajaran abad ke-21 dalam talian: cabaran guru Pendidikan Moral [21st century online learning applications: the challenge of Moral Education teachers]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 16-35.
22. Nuwa, G. G. (2020). Kemerosotan Moral Siswa Pada Masa Pandemic Covid-19: Meneropong Eksistensi Guru Pendidikan Agama Islam. *Atta'dib Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(2), 1-17.
23. Santosa, S., & Andean, S. (2021). Pengembangan dan Pembinaan Karakter Siswa dengan Mengoptimalkan Peran Guru Sebagai Contextual Idol di Sekolah Dasar. *Jurnal Basicedu*, 5(2), 952-957.
24. Nurohmah, A. N., & Dewi, D. A. (2021). Penanaman Nilai Moral dan Karakter di Era Pandemi melalui Pendidikan dengan Mengimplementasikan Nilai-Nilai Pancasila. *EduPsyCouns: Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(1), 119-127.
25. Lubis, R. F. (2019). Kemampuan Guru Menarik Perhatian Siswa Dalam Proses Pembelajaran. *Al-Mutharahah: Jurnal Penelitian Dan Kajian Sosial Keagamaan*, 16(1), 152-175.
26. O'Flaherty, J.; Liddy, M.; McCormack, O. The teachers put effort into teaching us about life, and what's right and what's wrong: *Values and moral education in publicly-managed schools in Ireland*. *J. Beliefs Values* 2018,39, 45–56.
27. Pratiwi, Z. F., & Ayu, M. (2020). The Use of Describing Picture Strategy To Improve Secondary Students'speaking Skill. *Journal of English Language Teaching and Learning*, 1(2), 38-43.
28. Gurusamy, V., Thambu, N., & Vengadasalam, C. (2019). Kesedaran Sensitiviti Moral Melalui Aktiviti Analisis Filem Pendek: Satu Kajian Tindakan di Kelas Pendidikan Moral. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 44(1).

29. Lokman, H. F., Khalid, F., & Nasri, N. M. (2022). Development Of Value Appreciation Through Moral Education Charity Work With Social Media Applications Integration. *Jurnal Ilmi*, 11(1), 43-55.
30. Vishalache Balakrishnan. (2002). Penggunaan dilema real-life dalam pengajaran Pendidikan Moral. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
31. Abdul Shatar Che Abdul Rahman. (2009). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
32. Romyati, E., Widayat, W., & Tjahjono, A. (2019). *Pemanfaatan Buku Teks Dalam Menunjang Pembelajaran Matematika Di Sekolah Menengah Kejuruan Negeri I Kebumen Tahun 2019* (Doctoral dissertation, STIE Widya Wiwaha).
33. Chayumi, S. (2021). *Penggunaan Metode Problem Based Learning Berbantu Media Video Dalam Meningkatkan Hasil Belajar PKn pada Materi Norma dan Keadilan Siswa Kelas 7A di SMP Negeri 1 Ledokombo*. CIVICUS: Pendidikan-Penelitian-Pengabdian Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan, 9(1), 1-10.
34. Chan, D. & Herrero, C. 2011. *Using Film to Teach Languages: A Teachers' Toolkit for Educators Wanting to Teach Languages using Film in the Classroom, with a Particular Focus on Arabic, Mandarin, Italian and Urdu*. Manchester, Cornerhouse
35. Corrigan, Timothy. 2001. *A Short Guide to Writing about Film*. New York: Longman.
36. Ghaisani, F. A. (2020). Representasi Kritik Sosial Dalam Film Indonesia (Analisis Semiotika Kritik Sosial Dalam Film Slank Nggak Ada Matinya) (Doctoral dissertation, Universitas Airlangga).
37. Umiyanah, S. (2021). *Pesan Moral Dalam Film Habibie dan Ainun 3* (Analisis Semiotika Roland Barthes) (Doctoral dissertation, UIN SMH BANTEN).
38. Kirsh, S.J. 1998. *Using animated films to teach social and personality development*. *Teaching of Psychology* 25(1): 49-51.
39. Normiha Suraya, I. (2019). Aplikasi teknik “repetition exercise” oleh Sanford Meisner dalam lakonan: *Analisis terhadap lakonan watak utama*. (Doctoral dissertation, University of Malaya).
40. Barrance, T. (2010). “*Using Film in Schools: A Practical Guide*. *Film: 21st Century Literacy*.” Media Education Wales.
41. Harahap, F. D. S., & Nasution, N. A. (2022). Analisis Dampak Menonton Serial Kartu Upin dan Ipin Terhadap Perkembangan Moral Agama Anak Usia 5-6 Tahun. *TANJAK: Journal of Education and Teaching*, 3(1), 39-56.
42. Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
43. Zuber-Skerrit, O. (1995). Models for action research. In S. Pinchen & R. Passfield. (Eds.) *Moving On: Creative applications of action learning and action research*. (pp. 3 - 29). Queensland, Australia: Action Research, Action Learning and Process Management.
44. Chow, F. M., & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pendidikan*.
45. Whitehead, J., & McNiff, J. (2006). *Action research living theory*. London, UK: Sage.
46. Nadarajan Thambu, & Ganesan Shanmugavelu. (2016). Unsur ‘niat moral’ dalam teater forum: Satu kajian tindakan di kelas Pendidikan Moral. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*, 5, 1-14.
47. Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. New York: Pearson

48. Nadarajan Thambu, & Muhammad Hasbi Abdul Rahman. (2017). Forum Theatre as a behavior change strategy: Qualitative findings from Moral Education class. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities*, 9(1), 25-46.
49. Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology*. *Qualitative Research psychology*, 3, 77-101.
50. David Wilkinson and Peter Birmingham. (2014). *Using research instruments: A guide for researchers*. London: Taylor & Francis Group.
51. Kurawa, S. S. (2012). Social Order in Sociology: Its Reality and Elusiveness. *Sociology Mind*, 2(1), 34–40. <http://doi.org/10.4236/sm.2012.21004>